

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	11 JAN 2015

Goyah atau tahun manfaat?

Anda pesimis, optimis, santai atau seperti sedia kala apa boleh buat?

Sinar Harian
- 11/1/2015

Kuala Lumpur
lumaat 9 Januari:
Apa kata orang
lain tentang kita dan ibu

pertiwi selepas sembilan hari memasuki tahun baharu? Madah seorang penganalisis asing kepada saya, "itisa shakystart for Malaysia unless oil price nebounds. STHI Malaysia is not entirelyre downbeac Maknanya Malaysia bermula tahun baharu goyang (dari segi ekonomi) kecuali harga petroleum naik yakni Petronas untung negara manfaat Namun Malaysia, bak kata orang tua, tidak terketar-ketar menghadapi 2015.

Begitu besar ekonomi dan standard kesejahteraan hidup kita bergantung pada Petronas, syarikat milik negara, yang ditubuhkan oleh Tun Razak. Gas dan minyak (*gas and oil*) menyumbang kepada Khazanah negara melalui dividen dari Petronas lebih kurang satu per tiga keseluruhan pendapatan kerajaan. Petronas telah pun memberi amaran kepada Putrajaya jumlah dividen akan turun jika harga minyak dan gas terus merudum.

Saya semula jadi seorang optimis, selalu melihat pada masa depan yang cerah dalam apa keadaan pun saya berada. Kalaupun langit ekonomi kita kelihatan redup - sebabnya banyak - tetapi kerana ini bukan artikel tentang ekonomi tidak payahlah saya hurai punca dan penyebabnya. Tumpuan saya adalah pada kemanfaatan besar 2015 akan bawaseperti tegas Speaking, "its unintended consequences", terutama dari segi polibk, perpaduan, kerjasama, muhibah, semangat kesukarclawan dan sifat murah hati serta dermawan dan minda terbuka rakyat kita membantu mangsa banjir. juga tidak kurang pentingnya sifat kekurangan atau defisit dalam masyarakat kita. Suka-duka, keseluruhannya kelemahan kerajaan seolah-olah tidak bersedia menghadapi darurat dan malapetaka bah yang skalanya seperti banjir 2015. Kelihatan majoriti wujud sindrom adhoc - iaitu sesuatu disusun dan digerakkan bagi menghadapi tujuan semasa dan sementara. Sudah sampai masanya kerajaan mengadakan agensi khas untuk flood and disaster management and mitigation yakni agensi khas mengurus banjir, malapetaka seperti juga kita ada pasukan bomba (fin? brigade).

Hikmah banjir - luar biasa, bah betina atau jantan, kuning atau merah - banyak. Apa pun semua kerajaan dan agensinya - Pusat dan negeri - baik Umno, Pas, PKR dan DAP mesti bekerjasama tanpa politikng. Kepentingan dan kesejahteraan rakyat mesti didahulukan. Banjir tidak



kenal ideobgi polidk mangsa. Semua kena! Jika ada pihak yang mengambil kesempatan kepartian

mereka mesti dikutuk seteruk-teruknya. Mangsa banjir bukan bodoh, mereka tahu siapa bekerja bertungkus-lumus, siapa yang sibuk hanya waktu lawatan VIP; siapa gila publisiti dan siapa pula pelancong banjir.

Saya gembira melihat kerjasama antara Pusat dan negeri, terutama antara Putrajaya dan Kota Bharu (tenggelam termasuk Kota Darul Naim) masa darurat bah. Kerjasama erat antara kerajaan Pas dan Pusat memulih dan membangunkan semula Kelantan mesti diutamakan. Hasil baik yang bakal dinikmati rakyat Kelantan akan membawa kepada kerjasama yang lebih intim lagi, bahkan kepada perpaduan ummah.

Tun Razak, selepas peristiwa Mei 13, 1969, telah mengarah saya berbincang dengan Datuk Asri Muda, pada masa itu Menteri Besar Kelantan dan Presiden Pas, kemungkinan Pas dan Umno bekerjasama menghadapi politik semasa dan masa depan. Pertemuan pertama dengan Asri berlaku di nombor JKR 10 Kampung Sireh (kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan) dihadiri antaranya oleh Amaluddin Darus, Khaidir Khatib, Sallehudin Abdullah. Saya



"Tun Razak pengasas Petronas, Dasar Ekonomi Baru dan bertanggungjawab melebarkan kelas menengah Malaysia."

"PM, kapan lagi ke pantai timur?. Kerana sudah sihat sedikit - dari jangkitan E.coli - kembailah selalu ke pantai timur."

dipersetujui. Hasrat Tun Razak menjadi kenyataan. Kalau kedua-dua pihak sekarang atau masa akan datang mempunyai minda terbuka dan demi masa depan ummah, saya tidak nampak ada masalah atau obstacles menghalang persefahaman, permual akan berlangsung jika pun tidak bersekutu.

lantang. Betul, kata Tok Guru, contohhlah Rasulullah ketika menghadapi masalah atau ditimpa musibah dengan sabar, tabah, banyak sembahyang dan berdo'a. Insya-ALLAH, kitabolehmengurangkan tekanan dan berdepan dengan ujian serta dugaan.

Rasulullah makhluk kelainan, terutama,

Tun Razak, selepas peristiwa Mei 13,1969, telah mengarah saya berbincang dengan Datuk Asri Muda, pada masa itu Menteri Besar Kelantan dan Presiden Pas, kemungkinan Pas dan Umno bekerjasama menghadapi politik semasa dan masa depan. Pertemuan pertama dengan Asri berlaku di nombor JKR10 Kampung Sireh (kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan) dihadiri antaranya oleh Amaluddin Darus, Khaidir Khatib, Sallehudin Abdullah. Saya bersendirian kerana saya mewakili Tun Razak bukan Umno. Pendek cerita, akhirnya Asri berjumpa Tun Razak untuk mendengar sendiri hasrat tersurat dan tersirat Tun Razak. Selepas itu terbentuklah kerajaan campuran melibatkan Pas, Gerakan dan PPP. DAP walaupun dijemput telah menolak. Kesimpulan cerita itulah permulaan yang kesudahannya kerajaan Barisan Nasional ditubuh pada tahun 1974. Permulaannya modest, kata Speaking, kerana kedua-dua pihak tidak menegak dan menengahkan diri. Seolah-olah kami segan. Terpenting pada Tun Razak ialah rahsia perbincangan permulaan itu disimpan sehingga outline/rangka perkongsian kuasa dipersetujui. Hasrat Tun Razak menjadi kenyataan. Kalau kedua-dua pihak sekarang atau masa akan datang mempunyai minda terbuka dan demi masa depan ummah, saya tidak nampak ada masalah atau obstacles menghalang persetahaman, permuatakan berlangsung jika pun tidak bersekutu."

bersendirian kerana saya mewakili l\m Razak bukan Umno. Pendek cerita, akhirnya Asri beijumpa Tun Razak untuk mendengar sendiri hasrat tersurat dan tersirat Tun Razak. Selepas itu terbentuklah kerajaan campuran melibatkan Pas, Gerakan dan PPP. DAP walaupun dijemput telah menolak. Kesimpulan cerita itulah permulaan yang kesudahannya kerajaan Barisan Nasional ditubuh pada tahun 1974. Permulaannya modest kata Speaking, kerana kedua-dua pihak tidak menegak dan menengahkan dirL Seolah-olah kami segan. Terpenting pada Tun Razak ialah rahsia perbincangan permulaan itu disimpan sehingga outlinel rangka perkongsian kuasa

Ini baru ditimpa musibah yang bukan luar biasa sangat seperti peristiwa 13 Mei 1%9, Konfrontasi Indonesia, darurat dan pemberontakan komunis 1948-60. Adakah kita kini benar-benar siap bersedia, baik minda. kelengkapan, alat, teknologi dan aset untuk menghadapi musibah atau darurat skala 1948-1960? Atau seperti kejadian di Paris Rabu lepas?

Cabaran ekonomi, sosial, pendidikan, politik dan hubungan antarabangsa terus kompleks. Tekanan (stress) hidup terus meningkat dan makin ketara. Provokasi menggunakan orang Melayu tertentu seperti berlakunya Ali Baba dalam bisnes menjadi-jadi dan makin tidak terbatas serta

terpuji lagi terunggul. Bagaimana mengurus, mentadbirkan mententeramkan rakyat jelata yang menghadapi tekanan dan ditolak ke dinding atau beingpushed to the wall Benar atau imaginasi keadaan itu soalan lain. Ramai mempunyai persepsi mereka sedang diradikalisasikan oleh berbagai sumber.

Itulah yang harus difikirkan: bagaimana mengurus kehidupan rakyat yang menderita dan juga minda yang diserang oleh perasaan terus dihina, diketepi, dipinggirkan dan dicabar? Seperti kata Dr Mahathir Mohamad hari ini reaksi dan tindakan ddak boleh diduga apabila mereka diejek dan diprovokasikan.